

Apakah perkhidmatan yang anda harapkan dari Wakil/ Eksekutif Kewangan kami?

Rakan kongsi bank kami akan mengedar produk insurans hayat menerusi rangkaian cawangan. Berikut adalah apa yang anda boleh nikmati apabila anda membeli produk insurans hayat melalui kami.

1

Sebelum anda membeli polisi

Membantu anda memilih Pelan Insurans yang Sesuai

- Memahami keperluan insurans dan matlamat kewangan anda dahulu.
- Mencadangkan pelan insurans yang sesuai selepas menilai keperluan anda.

Menerangkan Ciri-ciri Produk

- Menerangkan ciri-ciri produk, manfaat yang dibayar, pengecualian, premium dan caj-caj supaya anda pasti dengan apa yang dibeli.
- Menyediakan Lembaran Penyata Produk untuk membantu anda dalam membuat keputusan yang tepat dan memudahkan anda dalam membuat perbandingan produk.

2

Apabila anda membuat keputusan untuk membeli polisi

Membantu Anda dalam Permohonan Polisi

- Menerangkan kepentingan menjawab soalan dalam borang cadangan dengan lengkap dan tepat.
- Menghantar permohonan anda untuk proses pengunderaitan selepas anda menandatangani borang cadangan dan telah membuat bayaran premium.
- AXA AFFIN Life Insurance Bhd akan mengatur pemeriksaan kesihatan untuk anda di salah satu klinik panel, jika diperlukan.
- Mengisi borang untuk memberi maklumat mengenai pemakluman penamaan atau pelantikan pemegang amanah untuk memastikan manfaat dapat diterima oleh waris sekiranya berlaku kematian.

Menerangkan Terma-terma dan Syarat-syarat Polisi

- Menerangkan terma-terma dan syarat-syarat polisi dengan anda untuk memastikan anda memahami pelan sebelum anda membuat pembelian.
- AXA AFFIN Life Insurance Bhd akan menghantar dokumen polisi kepada anda, samaada dengan serahan melalui tangan atau pos, dalam tempoh 14 hari selepas dokumen terakhir anda terima.

3

Semasa tempoh polisi

Perkhidmatan Polisi yang Berterusan

- Membantu anda dalam memperbaharui polisi anda.
- Jika dalam keadaan memerlukan, kami boleh membantu anda untuk mengemukakan permintaan perkhidmatan kepada AXA AFFIN Life Insurance Bhd, sebagai contoh, pengubahsuaian polisi, pertukaran alamat dan kekerapan pembayaran premium.

Membantu anda dalam membuat tuntutan

- Apabila anda membuat tuntutan, kami akan membantu anda dalam mengemukakan borang tuntutan dan dokumen kepada AXA AFFIN Life Insurance Bhd.